

D495

U B058 BAH
MAHATHIR - FRANCAIS

KUALA LUMPUR, 30 SEPT (BERNAMA) -- DUA ORANG PAKAR PERNIAGAAN SECARA FRANCAIS DARI AMERIKA SYARIKAT AKAN BERADA DI SINI TIDAK LAMA LAGI UNTUK MEMBANTU KERAJAAN MENGEMBANGKAN KAEDAH PERNIAGAAN CARA ITU DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TELAH MENGHUBUNGI BEKAS SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA SYARIKAT, DR HENRY KISSINGER YANG BERSETUJU MENGHANTAR KEDUA-DUA PAKAR BERKENAAN.

KATANYA, PENGETAHUAN MENGENAI PERNIAGAAN SECARA FRANCAIS MASIH BERKURANGAN DI NEGARA INI DAN KERAJAAN MAHU MEMPELAJARI SELOK-BELOK PERNIAGAAN ITU UNTUK MEMBANTU RAKYAT TEMPATAN YANG MINAT BERNIAGA.

+TIDAK RUGI KALAU KITA BELAJAR DARIPADA ORANG YANG TAHU. KALAU KITA BERPENDAPAT KITA SUDAH TAHU SEMUA... JANGAN DATANGLAH NAK AJAR, KITA YANG AKAN RUGI,+ KATANYA SEMASA MELANCARKAN PROGRAM LATIHAN PENIAGA DAN PENJAJA KECIL WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN PERNAH MENCUBA KAEDAH FRANCAIS BAGI PERNIAGAAN +SATE RIA+ TETAPI KERANA PENGETAHUAN YANG KURANG, SEHINGGA SEKARANG IA BELUM BERJAYA DALAM PERNIAGAAN ITU. -- LAGI.

2010MST 30 09 90

D516

U B073 BAH
MAHATHIR - FRANCAIS 2 KUALA LUMPUR

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN BERPENDAPAT PERNIAGAAN SECARA FRANCAIS LEBIH BAIK KERANA SESEORANG TIDAK PERLU BANYAK PENGETAHUAN JIKA INGIN MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN TERTENTU.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, SESEORANG YANG TIDAK TAHU CARA MEMBUAT SATE BOLEH MENJADI PENIAGA SATE ASALKAN DIA CUMA TAHU MEMBAKARNYA SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN PERNIAGAAN DI AMERIKA SYARIKAT MENGAMALKAN CARA FRANCAIS KERANA SESEBUAH SYARIKAT TIDAK MUNGKIN BOLEH MENGURUSKAN BEGITU BANYAK CAWANGAN.

MENURUTNYA, PADA PERMULAANNYA, KEDUA-DUA PAKAR DARI AMERIKA SYARIKAT ITU AKAN MEMBERI PENERANGAN KEPADA KERAJAAN MENGENAI CARA MEMPERBESARKAN PERNIAGAAN YANG KECIL SECARA FRANCAIS SEBELUM PENERANGAN KEPADA GOLONGAN PENIAGA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DR HENRY KISSINGER, YANG MERUPAKAN GURUNYA SEMASA BELAJAR DI UNIVERSITI HARVARD SUATU KETIKA DAHULU, TELAH MENULIS SURAT KEPADANYA UNTUK MEMAKLUMKAN BAHAWA BELIAU SUDAH PUN MENGENAL PASTI DUA PAKAR TERSEBUT. -- LAGI

2051MST 30 09 90

MAHATHIR - FRANCAIS 3 KUALA LUMPUR

+SEBENARNYA DIA BERHARAP SAYA PERGI KE NEW YORK SEMASA PERSIDANGAN BANGSA-BANGSA BERSATU TETAPI SAYA TIDAK DAPAT PERGI DAN BELIAU MENULIS SURAT KEPADA SAYA SAMA ADA SAYA AKAN MENERIMA PAKAR ITU APABILA PAKAR ITU DATANG KE SINI. SAYA SUDAH JAWAB SAYA AKAN JUMPA (PAKAR TERSEBUT),+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEMEMANGNYA BERHASRAT UNTUK MENOLONG PENIAGA KECIL DAN PENJAJA SUPAYA MEREKA DAPAT BERNIAGA DALAM KEADAAN LEBIH SELESA DAN BEROLEH KEUNTUNGAN.

BELIAU BERPENDAPAT BANYAK BIDANG YANG BOLEH DICEBURI OLEH GOLONGAN YANG MEMPUNYAI MINAT BERNIAGA TERUTAMA MELALUI CARA FRANCAIS.

SAMBIL MEMBERI CONTOH STESEN-STESEN MINYAK PETROL, RANGKAIAN KEDAI KASUT BATA DAN KENTUCKY FRIED CHICKEN SEBAGAI PERNIAGAAN FRANCAIS, BELIAU BERKATA KETIKA INI BIDANG PERCETAKAN JUGA MULA MENGAMALKAN KAEDAH TERSEBUT.

SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 3,000 ORANG HADIRIN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENCERITAKAN BAGAIMANA SEBUAH KEDAI KECIL YANG MENJUAL HAMBURGER MACDONALD DI CALIFORNIA KINI MEMPUNYAI RANGKAIAN CAWANGANNYA DI KIRA-KIRA 80 NEGARA SETELAH SEORANG PENIAGA BARANGAN RESTOREN MEMINTA KEBENARAN TUAN PUNYA HAMBURGER TERSEBUT UNTUK MEMPERKENALKAN CARA FRANCAIS. -- LAGI
2109MST 30 09 90

D524

U B075 BAH
MAHATHIR - FRANCAIS 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, HAMBURGER MACDONALD MENJADI POPULAR KETIKA ITU KERANA IA MENGGUNAKAN 100 PERATUS DAGING, PERKHIDMATAN SEGERA DAN BERSIH. MENGENAI HUBUNGAN PENJAJA DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG SUATU KETIKA DAHULU +BERMUSUHAN+, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KUASA-KUASA TEMPATAN SEPERTI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR KINI MENUKAR SIKAP MEREKA +MEMBURU+ PENIAGA KEPADA MEMBANTU PENIAGA MEMAJUKAN PERNIAGAAN MEREKA.

KATANYA, DASAR BARU ITU MEMBOLEHKAN LESEN-LESEN PERNIAGAAN MUDAH DIKELUARKAN, PENYEDIAAN TEMPAT BERNIAGA YANG SEMPURNA LENGKAP DENGAN HIASAN LAMPU SERTA BEKALAN AIR MANAKALA MEREKA YANG MEMBINA BANGUNAN BESAR DIARAHKAN SUPAYA MENYEDIAKAN RUANG BERNIAGA YANG DIURUSKAN OLEH DBKL.

MENURUTNYA, PERUNTUKAN PINJAMAN KEPADA PENIAGA KECIL JUGA DITINGKATKAN DARIPADA \$30 JUTA KEPADA \$50 JUTA BARU-BARU INI.

DBKL, YANG SUATU MASA DAHULU SERING +MEMBURU+ PENIAGA DI JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, KINI MEMBINA BUMBUNG DI KAKI LIMA KAWASAN TERSEBUT UNTUK KESELESAAN PENIAGA.

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK SULAIMAN MOHAMED, YANG BERUCAP SEBELUM ITU, BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBINA 20 KOMPLEKS PENJAJA DAN PENIAGA KECIL BERNILAI \$25.5 JUTA DI SEKITAR BANDARAYA DALAM TEMPOH LIMA TAHUN AKAN DATANG.

PADA MAJLIS ITU JUGA, PARA PENIAGA DAN PENJAJA KECIL YANG TERDIRI DARIPADA SEMUA KAUM MELAFAZKAN IKRAR SOKONGAN MEREKA KEPADA KERAJAAN BARISAN NASIONAL DI BAWAH PIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR.